

02 APR 2002

Keganasan-Algeria/I

ALGERIA ANGGAP DR MAHATHIR PEMIMPIN HARAPAN DUNIA ISLAM

PUTRAJAYA, 2 April (Bernama) -- Algeria menganggap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin berwawasan yang dunia Islam boleh bergantung kepada.

Menteri Luar Algeria Dr Amine Kherbi menganggap Dr Mahathir sebagai seorang yang berwawasan dalam semua bidang dan pasti dapat banyak menyumbangkan kepada usaha memerangi keganasan seperti yang sedang diperdebatkan di Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) mengenai Keganasan di Kuala Lumpur sekarang ini.

"Kami sangat menyanjungi beliau dan nasihat-nasihat beliau adalah baik," kata beliau kepada Bernama selepas melakukan kunjungan hormat terhadap Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya di sini, hari ini.

Ditanya mengenai ucapan Dr Mahathir di perasmian sesi khas ICFM semalam, Dr Amine berkata Perdana Menteri Malaysia telah menyatakan dengan jelas takrif keganasan.

Beliau berkata, semua anggota OIC perlu melihat ucapan Dr Mahathir dalam perspektif yang lebih luas dan tidak sekadar mentafsirkan perkara-perkara tertentu di luar konteks.

Mengenai pertemuan beliau dengan Abdullah, beliau berkata mereka bertukar pandangan mengenai situasi sekarang ini di OIC dan juga mengenai kerjasama dua hala.

"Malaysia ialah sebuah negara yang mesra dan akrab dengan Algeria," katanya.

Selain daripada Dr Amine, Menteri Luar Iraq Dr Naji Sabri Ahmad dan Menteri Dalam Negeri Pakistan Lt. Gen (B) Moinuddin Haider turut mengunjungi Abdullah.

Setiap daripada Menteri itu menghabiskan masa 30-minit bersama Abdullah.

-- BERNAMA

DC ZS PR